

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 25/08/2017 |

Malaysia, AS bincang isu ekstremisme, perdagangan

BH-25/8/2017 Pg. 2

➔ Pertemuan
PM, Trump
12 September
sempena
sambutan ulang
tahun diplomatik
ke-60 dua negara

Oleh Nazura Ngah,
Hazwan Faisal Mohamad
dan Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mengadakan lawatan kerja ke Washington DC atas jemputan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada 12 September ini.

"Saya akan mengadakan sidang media sebelum berlepas ke sana kerana sedang dalam proses mengadakan perbincangan dalaman," kata Najib pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, isu penentangan terhadap ekstremisme, termasuk Daesh adalah antara to-

pik utama yang akan dibincangkan pada pertemuan beliau dengan Trump.

Selain itu, katanya, akan turut dibincangkan ialah peranan Malaysia dalam menjadikan Asia Tenggara rantau yang aman, selain isu berkaitan perdagangan.

Tingkat hubungan dua hala

Dalam perkembangan berkaitan, Wisma Putra dalam satu kenyataan, berkata pertemuan dua pemimpin itu untuk mempertingkatkan hubungan Malaysia dan AS yang menyambut ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik, tahun ini.

"Hubungan ini dipertingkatkan ke perkongsian yang komprehensif di bawah kepemimpinan Perdana Menteri," kata kenyataan berkenaan.

Sementara itu, Najib yang juga

Presiden UMNO, yakin persidangan parti peringkat bahagian yang berjalan lancar, menggambarkan tahap kesiapsiagaan tinggi jentera parti untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Katanya, persiapan menghadapi PRU-14 yang boleh diadakan pada bila-bila masa sedang giat dijalankan, malah Persidangan Agung UMNO yang dijadualkan 5 hingga 9 Disember ini juga boleh ditangguhkan jika PRU-14 diadakan.

"MT UMNO mengambil maklum persidangan peringkat bahagian berjalan dengan baik, mendapat sambutan dan disiplin yang baik. Tiada kerusi yang melayang dan sebagainya dan kita lihat semangat ahli UMNO tinggi," katanya.

Persidangan UMNO cawangan berlangsung pada 17 Mac hingga 30

April lalu, disusuli persidangan peringkat bahagian mulai 7 Julai dan akan berakhir Sabtu ini.

Utama kesejahteraan rakyat

Di samping itu, Najib berkata, prestasi ekonomi negara ketika ini menjurus kepada keadaan memberangsangkan, selain sentimen pengguna lebih positif menerusi dasar Transformasi Negara.

"Insya-Allah sebagai kerajaan, kita akan terus beri keutamaan kepada projek dan perkara yang ada kaitan dengan kepentingan dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Beliau berkata, dengan keadaan positif itu, ia mencerminkan peningkatan keyakinan rakyat bahawa apa yang kerajaan lakukan adalah untuk membawa negara ke arah yang lebih baik, sekali gus dapat menyempurnakan kebenaran dan aspirasi rakyat.